



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



UiTM *di hatiku*

<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/campuses/mukah/>

UiTM Mukah Bulletin

Inau Dengah UiTM Mukah?

Edisi **Nov 2022**



Randau Pengerusi LPU UiTM
YBHG. PROF. EMERITUS
TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
ABU SHAH



Program *Berloyar dengan VC*
YBHG. PROF. DATUK
TEKNOLOGIS (TS.) DR. HAJAH
ROZIAH MOHD JANOR

Berlanggar Meja
RAYA GAWAI 2022

Seminar Pusat Penyelidikan Melanau (PPM)
NEGERI TUA MELANAU



TABLE OF CONTENTS

01

WELCOME TO UiTM MUKAH!

*Sejarah UiTM Mukah
Program yang ditawarkan
Fasiliti dan kelengkapan
UiTM Mukah*

02

HIGHLIGHTS

*Randau Pengerusi LPU UiTM
Program Berloyar dengan VC
Seminar Negeri Tua Melanau
Raya Gawai 2022*

03

EVENTS

*Artikel dan Laporan
Program serta aktiviti
yang dijalankan di UiTM
Mukah sepanjang 2022*

04

LAMBAIAN KASIH JASAMU DIKENANG

*Selamat Bersara Cik
Saftuyah dan Encik Zahir*

05

CONGRATULATIONS!

*Pencapaian Warga UiTM
Mukah 2022 dalam
pertandingan inovasi, KIK,
dll.*

06

UiTM MUKAH PRESS AND MEDIA COVERAGE

*Liputan berita UiTM Mukah
di media cetak agensi
berita tempatan*

Mohamad Musa Bin Bohari Chief Editor's Note



It is with profound pleasure that we celebrate the launch of the inaugural edition of "Inou Dengah UiTM Mukah?". 'Inou dengah,' which translates to 'what is up', brings you essential news and updates about the UiTM Mukah Campus. The unique combination with the Melanau terminology 'inou dengah' is significantly related to the concept of connectedness that we forge with the local community.

As the new Editor-in-Chief and on behalf of the Editorial Team, I would like to extend a warm welcome to the readers. With your support as readers, I see bright prospects for this Inou Dengah to serve the UiTM community better. I take this opportunity to thank our authors, editors, and all who have volunteered to contribute to the success of this inaugural publication. I close this message by inviting everyone to submit your articles. We hope to hear from you soon.

Editorial Board

Advisor:	: Prof. Dato Dr. Jamil Hj. Hamali
Managing Editor	: Assoc. Prof. Dr. Saimi Bin Bujang
Chief Editor	: En. Mohamad Musa Bin Bohari
Deputy Chief Editor	: En. Yahutazi Bin Chik
Editors	: i. Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin ii. Pn. Suffina Binti Long iii. Pn. Nur Nadia Qausar Binti Juhari vi. Cik Stefanie Natasha Rich Joseph
Photographers	: Dr. Mohamad Izwan Bin Ismail
Webmaster	: En. Shileyiusken Mijen
Layout and Design	: En. Yahutazi Bin Chik
Published by:	: Corporate and Communication Unit, UiTM Cawangan Sarawak, Mukah Campus
eISSN	: 2976-257X
Published Date	: 14-Nov-22

Fetival Bola Hibrid Anjuran

JPK SERI KUALA Disediakan oleh: Ikhwan Naguib Jusoh

Tanggal 14-15 Mei 2022 telah berlangsung dengan jayanya program Festival Bola Hibrid anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Seri Kuala (JPK SKL), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Inilah adalah program pertama pada semester ini dianjurkan oleh JPK SKL dengan bimbingan Encik Ikhwan Naguib bin Jusoh sebagai penasihat program dan telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada para penghuni Kolej Kediaman Seri Kuala 1 dan Seri Kuala 2. Syabas diucapkan kepada JPK Seri Kuala atas promosi yang berkesan!

Program ini terbahagi kepada 2 acara iaitu pertandingan sukan futsal lelaki dan pertandingan sukan secara atas talian iaitu *esport* (EA Sport FIFA21). Kolej Kediaman telah rancak kembali dengan aktiviti-aktiviti secara fizikal selepas sunyi akibat pandemic Covid 19. Ini secara tidak langsung memberi ruang kepada para pelajar untuk beriadah sambil melepaskan tekanan belajar. Antara objektif program ini adalah menggalakkan para pelajar untuk bersukan dan mengcungkil bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan untuk mewakili universiti bagi program anjuran pihak luar seterusnya menaikkan lagi nama baik universiti.

Sebanyak 12 pasukan pertandingan sukan futsal telah bertanding dan seramai 24 orang peserta bagi pertandingan sukan *esport* (EA Sport FIFA21) telah merencanakan lagi suasana di kampus. Bagi pertandingan sukan futsal lelaki telah dimenangi oleh Rojak FT diikuti oleh tempat kedua, Krobok Sintak dan tempat ketiga dimenangi bersama Parkway Merah FT dan Puiyi FT. Manakala bagi pertandingan *esport* (EA Sport FIFA21) pula dimenangi oleh tempat pertama, Khairul Irsyad diikuti oleh tempat kedua, Sidi Zulfakha dan tempat ketiga, Alan Fikri. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Hj Abu Talip.



“Kolej Kediaman telah rancak kembali dengan aktiviti-aktiviti secara fizikal selepas sunyi akibat pandemic Covid 19. Ini secara tidak langsung memberi ruang kepada para pelajar untuk beriadah sambil melepaskan tekanan belajar”

